

MAHATHIR -NUZUL QURAN

1982

JITRA, 16 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYERU UMAT ISLAM DI SELURUH DUNIA SUPAYA MENGAMALKAN CARA HIDUP ISLAM YANG SEBENAR.

KATANYA ISLAM SEBAGAI ADDIN MENGGALAKKAN UMATNYA SUPAYA BERSATU-PADU TIDAK BERPECAH BELAH, SALING TOLONG MENOLONG DAN BANTU MEMBANTU MENERATKAN PERSAUDARAAN DAN TIDAK PULAU MEMULAU SESAMA SENDIRI.

PERDANA MENTERI KESAL DAN SEDIH MELIHAT UMAT ISLAM YANG MENGAKUI ISLAM SEBAGAI ADDIN TETAPI CARA HIDUP MEREKA TIDAK MENURUT ISLAM.

BERUCAP DI MAJLIS NUZUL QURAN DI KAMPUNG KODIANG LAMA, 40 KILOMETER DARI SINI, MALAM INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEJADIAN DI ASIA BARAT DI MANA UMAT ISLAM BERPERANG DAN BUNUH-MEMBUNUH SESAMA SENDIRI SERTA ENGGAN MEMBANTU MENGHADAPI MUSUH UTAMA, YAHUDI, ADALAH CONTOH YANG JELAS UMAT ISLAM TIDAK MENGAMALKAN CARA-CARA ISLAM.

DI ASIA BARAT, KATANYA, UMAT ISLAM DITINDAS OLEH MUSUH DAN HIDUP RAKYAT SENTIASA DALAM KETAKUTAN TETAPI TIDAK SESIAPA YANG MAHU MEMBANTU.-- LAGI 2155/MB

B639:

MAHATHIR-NUZUL QURAN 2 JITRA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEGAGALAN PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC) MENGADAKAN MESYUARAT PENTING MEMBINCANGKAN MASALAH LUBNAN DAN PLO. AMAT MENYEDIHKAN SELURUH UMAT ISLAM.

DENGAN NADA TERHARU, BELIAU BERKATA MALANG SEKALI SEBAHAGIAN NEGARA ISLAM SENDIRI ENGGAN MEMBANTU SAUDARA MEREKA SENDIRI YANG TERANCAM OLEH MUSUH.

BUKAN ITU SAHAJA MALAHAN NEGARA-NEGARA ISLAM TIDAKPUN MENYUARAKAN KUTUKAN TERHADAP YAHUDI ATAU MENGHULURKAN BANTUAN MEREKA SECARA KEBENDAAN, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA WAKIL PLO, ENCIK ABU RIYAD, YANG MENEMUI BELIAU DI KUALA LUMPUR SEMALAM MENYATAKAN HANYA DI MALAYSIA SAHAJA DIADAKAN TUNJUK-TUNJUK PERASAAN YANG MENGUTUK KERAS YAHUDI DAN SEKUTUNYA SERTA MELANCARKAN PUNGUTAN DERMA BAGI MEMBANTU MANGSA-MANGSA PERANG DI LUBNAN.

BELIAU BERHARAP UMAT ISLAM TERUTAMA DI NEGARA INI SUPAYA INSAF TENTANG KESALAHAN-KESALAH DARI MEREKA SEKARANG INI YANG HANYA BANYAK BERPURA-PURA DAN TIDAK CUBA HIDUP SECARA ISLAM YANG SEBENAR. -- LAGI 2333/AZ

B640:

MAHATHIR-NUZUL QURAN 3 JITRA

KATANYA UMAT ISLAM DI MALAYSIA PATUTLAH INSAF DAN MEMELIHARA PERPADUAN DAN KEMAKMURAN YANG ADA SUPAYA DAPAT MENENTANG SEKIRANYA DISERANG OLEH MUSUH DARI LUAR.

MEREKA JUGA HENDAKLAH MENYOKONG PELABURAN KERAJAAN DALAM MENGEMBALIKAN DAN MENGAMBILALIH SYARIKAT DARI LUAR NEGERI YANG KEPENTINGANNYA TERLETAK DI NEGARA INI UNTUK RAKYAT SENDIRI.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN TUNJANG, HAJI HANAFI RAMLI, DAN PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, DATUK NOR AMAN DATUK HAJI RAFFIEE. -- BERNAMA 2335/AZ